

# 'Kejayaan bahasa Melayu kerana perjuangan gigih Umno'

TELUK INTAN, Jumaat — Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Khalil Yaakob menegaskan bahawa kejayaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua peringkat sekolah di negeri ini adalah hasil perjuangan Umno.

Katanya, di bawah Dasar Pelajaran Kebangsaan, bahasa Melayu telah menjadi bahasa ilmu pengetahuan yang perlu dikekalkan untuk faedah generasi hari ini dan akan datang.

Berucap di majlis ceramah Barisan Nasional di Kampung Sungai Nipah Darat, Rungkup malam tadi beliau menjelaskan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah berjaya dilaksanakan di sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Tetapi, katanya, yang paling membanggakan ialah penggunaannya sebagai bahasa pengantar di peringkat universiti bermula sejak tahun ini.

Beliau berkata, melalui Dasar Pelajaran Kebangsaan, 98 peratus anak-anak Melayu telah mencapai kejayaan di bidang pelajaran.

Menteri itu juga menyatakan pembangunan yang menelan belanja berjuta ringgit dan menempatkan guru-guru berijazah di kawasan luar bandar akan dapat meningkatkan mutu pencapaian pelajaran di kalangan para pelajar luar bandar.

Kementerian Pelajaran, tambahnya akan menambah 635 guru yang mahir di Perak pada tahun depan.

Dari jumlah itu, 200 orang guru ialah lepasan universiti yang akan ditempatkan di sekolah-sekolah luar bandar.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia